



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
(KPWKM)**

**SEMPENA
MAJLIS IFTAR KASIH RAMADHAN YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT BERSAMA KUMPULAN SASAR KPWKM**

**21 MAC 2025 (JUMAAT)
5.00 PETANG – 8.30 MALAM
GRAND BALLROOM, UCSI HOTEL KUCHING**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

SALUTASI

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya rafakkan ke hadrat Allah s.w.t yang memberi kita peluang sekali lagi untuk menikmati bulan Ramadan Al-Mubarak yang penuh barakah ini.

2. Dipanjatkan juga rasa syukur kerana dengan izinNya, kita dapat bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan Majlis Iftar **Kasih Ramadhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Bersama Kumpulan Sasar KPWKM**. Saya mengalu-alukan kehadiran **anak-anak** institusi di bawah seliaan **Jabatan Kebajikan Masyarakat**, pengiring, petugas dan ketua institusi dari:

- I. Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching (KK);
- II. Sekolah Tunas Bakti & AA (L) Kuching (KK);
- III. Taman Seri Puteri & AA(P) Kuching (KK);
- IV. Pusat Pemulihan Samarahan;
- V. Rumah Seri Kenangan Kuching;
- VI. Desa Bina Diri Kuching; dan
- VII. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Kuching.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran saudara-saudara kita dari:
- I. Pusat Aktiviti Warga Emas SRI SATOK;
 - II. Pusat Aktiviti Warga Emas DARUL HANA;
 - III. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti SRI SATOK;
 - IV. Persatuan Cerebral Palsy Kuching Samarahan;
 - V. Sarawak Blind Society;
 - VI. KUSIA (Kuching Spinal Injury Association); dan
 - VII. Persatuan Orang Pekak.

4. Untuk makluman para hadirin sekalian, Majlis ini merupakan anjuran bersama **Yayasan Kebajikan Negara (YKN)** dan mendapat sokongan daripada rakan strategik **Shapadu** dan **Alliance Islamic Bank**.

KELEBIHAN BULAN RAMADAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Hari ini merupakan **hari ke-20 kita berpuasa** dan kini kita sudah berada di 10 malam terakhir Ramadan. Seharusnya dalam tempoh ini, kita sama-sama melipat gandakan usaha kita untuk melakukan amal kebajikan agar amalan kita adalah yang terbaik berbanding tahun-tahun terdahulu.
6. Apabila disebut bulan Ramadan, kita sering mengaitkannya dengan bulan di mana turunnya Al-Quran. Di antara keutamaan amalan orang yang berpuasa pada bulan Ramadan ini adalah memperbanyakkan bacaan al-Quran.

7. Menjelang sepertiga akhir Ramadan ini, marilah kita sama-sama berdoa semoga kita bertemu dengan Malam Lailatul Qadr, yang merupakan “Malam yang lebih baik dari seribu bulan”.

PROGRAM IHYA RAMADAN KPWKM

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. KPWKM dan agensi-agensi dibawahnya telah mengambil pendekatan berterusan dalam mengimarahkan bulan Ramadan pada setiap tahun. Di peringkat Kementerian, kita telah melancarkan Program Ihya Ramadan, 10 siri tazkirah Zohor, Kuiz Ramadan, Program Tadarus dan Khatam Al-Quran dan turut serta dalam World Quran Hour.
9. Selain Kementerian, jabatan dan agensi juga nampaknya turut giat menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi mengimarahkan bulan Ramadan ini.

10. YKN berbesar hati membawakan Program Ceria Syawal YKN @ KPWKM dengan membawa Wagon Kasih YKN yang menawarkan perkhidmatan gunting rambut dan alteration pakaian. Turut diadakan, edaran produk yang dihasilkan oleh Wanita Bangkit Bersasar dan anak-anak Anjung Sinar.

11. Jabatan Kebajikan Masyarakat pula telah melaksanakan pelbagai aktiviti bersama anak-anak yatim termasuk Majlis Berbuka Puasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Bersama Ibu Tunggal dan Anak-Anak Yatim di Istana Negara dan Majlis Ramah Mesra Intergenerasi Bersama KPKM di RSK Cheras.

12. Jabatan Pembangunan Wanita juga tidak ketinggalan dalam menjalankan pelbagai aktiviti dalam bulan Ramadan ini dan antara yang utama ialah Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang diadakan di WTC pada 8 Mac yang lalu yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri selain Program Santuni Ramadan Ketua Pengarah JPW.

13. Institut Sosial Malaysia turut melaksanakan pelbagai program seperti Majlis Khatam Al-Quran dan memasak bubur lambuk. Sementara itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara LPPKN juga melaksanakan 12 program sempena bulan mulia ini seperti Tadarus Al-Quran secara online, pertandingan hiasan Ramadan dan Program Penerapan Nilai-Nilai Murni.

14. Nampaknya, walaupun dalam keadaan berpuasa, warga kementerian kami tetap meriah dengan pelbagai aktiviti dan program untuk sama mengimarahkan ibadah pada bulan mulia ini. Berpuasa bukan alasan untuk kita menjadi lemah, sebaliknya ia mengajar kita tentang kesabaran, ketahanan, dan keikhlasan dalam menjalankan tanggungjawab.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Akhir kata, saya doakan agar kita semua diberi kesihatan dan kekuatan untuk menyempurnakan ibadah puasa serta berpeluang menyambut Syawal bersama keluarga tersayang. Terima kasih kepada semua yang telahmenjayakan majlis ini. Semoga segala amal kebajikan kita diterima dan diberkati oleh Allah SWT.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

21 Mac 2025